

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

15hb. November, 1971

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18 TAHUN 1971

Sekim2 Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Kerani

Saya ada-lah di-arah menyatakan bahawa Sekim2 Perkhidmatan dalam Lampiran2 yang di-kembarkan bersama-sama ini telah di-luluskan untok menggantikan Sekim Perkhidmatan bagi Pegawai Kerani dan Pembantu Kerani seperti yang telah di-luluskan melalui **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 tahun 1969**. Sekim2 tersebut ada-lah saperti berikut :-

- (a) Sekim Perkhidmatan Kerani (Am) bagi menggantikan Skim Perkhidmatan Pegawai Kerani (Am) dan Sekim Perkhidmatan Pembantu Kerani (Am).
- (b) Sekim Perkhidmatan Kerani (Pos) bagi menggantikan Sekim Perkhidmatan Pegawai Kerani (Pos).
- (c) Sekim Perkhidmatan Kerani (Polis) bagi menggantikan Sekim Perkhidmatan Pegawai Kerani (Polis).
- (d) Sekim Perkhidmatan Kerani (Talikom) bagi menggantikan Sekim Perkhidmatan Pegawai Kerani (Talikom).
- (e) Sekim Perkhidmatan Kerani (Pertahanan) bagi menggantikan

Sekim Perkhidmatan Pegawai Kerani (Pertahanan).

- (f) Sekim Perkhidmatan Kerani (Negeri) bagi menggantikan Sekim Perkhidmatan Pegawai Kerani (Negeri) dan Sekim Perkhidmatan Pembantu Kerani (Negeri).

2. Dengan berjalan-nya kuatkuasa Sekim² Perkhidmatan yang baharu ini maka Sekim² Perkhidmatan yang terkandung dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 tahun 1969** adalah dengan ini di-mansuhkan.

3. Kerani² yang sedang berkhidmat ada-lah terta'alok di bawah Sekim Perkhidmatan baharu yang menggantikan sekim Perkhidmatan dahulu dan mereka akan di-gelar mengikut gelaran dalam Sekim baharu itu.

4. Dalam hal ini, dengan pelaksanaan tangga gaji Suffian jawatan² kenaikan pangkat yang dahulu-nya dalam Perkhidmatan Pembantu Kerani serta jawatan² bagi Tingkatan Tertinggi Pegawai Kerani telah di-mansuhkan. Dalam keadaan demikian, ada-lah tidak wajar lagi di-adakan dua Sekim Perkhidmatan yang berasingan bagi Kerani Rendah dan Pegawai Kerani. Oleh itu penguatkuasaan Sekim² Perkhidmatan yang baharu ini di-samping perubahan tangga gaji, melibatkan juga perubahan di-mana Sekim Perkhidmatan bagi Pegawai Kerani Rendah di-satukan dengan Sekim Perkhidmatan Kerani.

5. Urusan² pengambilan dan kenaikan pangkat serta lain-lain urusan mengenai Perkhidmatan Kerani yang berkenaan hendak-lah di-jalankan mengikut perbekalan² dalam Sekim Perkhidmatan yang baharu ini.

6. Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua² Jabatan ada-lah di-minta menyampaikan kandungan Surat Pekeliling ini kepada Pegawai yang bertanggung-jawab dalam hal² Perkhidmatan dan Perjawatan serta Kerani² yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK)

Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua2 Setiausaha Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat,

Setiausaha2 Kerajaan,

Negeri2 di-Malaysia Barat.

Sekim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Kerani ('Am)

Kerani Rendah \$180 x 10-200/Sekatan Pepereksaan/
215 x 15 - 290 (Pepereksaan Kenaikan Pangkat).

Pegawai Kerani \$220 x 15-250/Sekatan Pepereksaan/

Tingkatan III 275 x 25-500 (Pepereksaan Kenaikan Pangkat).

Pegawai Kerani \$400 x 25-700

Tingkatan II

Pegawai Kerani \$600 x 25-800

Tingkatan I

1. Chalun2 bagi lantikan sebagai Kerani Rendah (Am) hendak-lah belum KELAYAKAN meningkat umur 25 tahun dan mestilah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau MASOK yang setaraf dengan-nya serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di-peringkat pepereksaan tersebut.
2. Permohonan untuk lantikan hendak-lah di-kemukakan kepada PERMOHONAN Surohanjaya Perkhidmatan Awam.
3. Chalun2 yang di-lantik ada-lah di-kehendaki berkhidmat dalam tempoh TEMPOH PER-perchubaaan selama 3 tahun dan di-kehendaki lulus pepereksaan perkhidmatan CHUBAAN bagi Kerani Rendah (Am) sabelum tamat tempoh perchubaaan.
4. Pegawai2 dalam perchubaaan yang telah:-

PENGESAHAN

 - (i) Lulus pepereksaan perkhidmatan bagi Kerani Rendah;
 - (ii) Menyempurnakan perkhidmatan-nya dengan memuaskan dalam tempoh perchubaaan; dan
 - (iii) Di-perakukan oleh Ketua Jabatan-nya;

akan di-sahkan dalam jawatan-nya.

5. Kerani2 Rendah yang telah di-sahkan dalam jawatan-nya boleh mengambil Peperiksaan Khas Kerani Rendah. PEPEREKSAAN
KHAS KERANI
RENDAH
6. Kerani2 Rendah ('Am) yang telah di-sahkan dalam jawatan-nya dan telah lulus Peperiksaan Khas Kerani Rendah akan layak di-pertimbangkan untuk di-naikkan pangkat sechara pilehan kapada jawatan Pegawai Kerani Tingkatan III ('Am) yang kosong. KENAIKAN
PANGKAT KA-
JAWATAN
PEGAWAI KERANI
TINGKATAN III
7. Chalun2 untok lantekan terus sebagai Pegawai Kerani Tingkatan III ('Am) hendak-lah tidak melebihi umur 25 tahun dan mesti-lah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di-perengkat peperiksaan tersebut. LANTIKAN TERUS
KA- JAWATAN
PEGAWAI KERANI
TINGKATAN III
8. Chalun2 yang di-pilih dari lantekan terus adalah di-kehendaki berkhidmat dalam perchubaaan selama 3 tahun. TEMPOH PER-
CHUBAAN
9. (i) Chalun2 lantekan terus ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan yang pertama bagi Pegawai Kerani Tingkatan III ('Am) sebelum tamat tempoh perchubaaan mereka; PEPEREKSAAN
YANG PERTAMA
BAGI PEGAWAI
KERANI TING-
KATAN III
- (ii) Pegawai2 Kerani Tingkatan III ('Am) yang di-naikkan pangkat dari jawatan Kerani Rendah ada-lah di-kechualikan dari mengambil peperiksaan perkhidmatan yang pertama bagi Pegawai Kerani Tingkatan III ('Am). PENGECHUALIAN
DARI PEPEREK-
SAAN
10. Pegawai2 Kerani Tingkatan III ('Am) dari lantekan terus yang telah:- PENGESAHAN
- (i) Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani Tingkatan III ('Am);
- (ii) Menyempurnakan perkhidmatan-nya dengan memuaskan dalam tempoh perchubaaan; dan
- (iii) Di-perakukan oleh Ketua Jabatan-nya;
- akan di-sahkan dalam jawatan-nya.

11. Pegawai2 Kerani Tingkatan III ('Am) dari lantikan terus yang telah di-sahkan dalam jawatan-nya serta Pegawai2 Kerani Tingkatan III ('Am) yang di-naikkan pangkat dari jawatan Kerani Rendah ada-lah di-kehendaki mengambil Peperiksaan Perkhidmatan yang Kedua bagi Pegawai Kerani Tingkatan III ('Am).

PEPEREKSAAN
PERKHIDMATAN
KEDUA BAGI
PEGAWAI KERANI
TINGKATAN III

12. Pegawai2 Kerani Tingkatan III ('Am) yang telah lulus semua peperiksaan yang di-sharatkan serta telah berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun dalam tingkatan itu akan layak di-pertimbangkan bagi di-naikkan pangkat sechara pilihan ka-jawatan Pegawai Ke-rani Tingkatan II ('Am) yang kosong.

KENAIKAN PANG-
KAT KA-JAWATAN
PEGAWAI KERANI
TINGKATAN II

13. Pegawai2 Kerani Tingkatan II ('Am) yang telah berkhidmat sekurang2-nya 3 tahun dalam tingkatan itu akan layak di-timbangkan untuk di-naikkan pangkat sechara pilihan ka-jawatan Pegawai Kerani Tingkatan I ('Am) yang kosong.

KENAIKAN PANG-
KAT KA-JAWATAN
PEGAWAI KERANI
TINGKATAN I

Sekim Perkhidmatan Kerani (Pos)

Kerani Rendah	\$180 x 10-200/Sekatan Peperiksaan/ 215 x 15-290 (Peperiksaan Kenaikan Pangkat)
Pegawai Kerani Tingkatan III	\$220 x 15-250/Sekatan Peperiksaan/ 275 x 25-500 (Peperiksaan Kenaikan Pangkat).
Pegawai Kerani Tingkatan II	\$400 x 25-700
Pegawai Kerani Tingkatan I	\$600 x 25-800

1. Chalun2 bagi lantikan sebagai Kerani Rendah (Pos) hendak-lah belum meningkat umur 25 tahun dan mestilah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang setaraf dengannya serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di-perengkat peperiksaan tersebut.

KELAYAKAN

MASOK

2. Permohonan untuk lantikan hendak-lah di-kemukakan kepada Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

PERMOHONAN

3. Chalun2 yang di-lantik ada-lah di-kehendaki berkhidmat dalam tempoh perchubaaan selama 3 tahun dan dikehendaki lulus peperiksaan perkhidmatan bagi Kerani Rendah sebelum tamat tempoh perchubaaan.

TEMPOH

PERCHUBAAN

4. Pegawai2 dalam perchubaaan yang telah:-

PENGESAHAN

- (i) Lulus peperiksaan perkhidmatan bagi Kerani Rendah;
- (ii) Menyempurnakan perkhidmatan dengan memuaskan dalam tempoh percubaan; dan
- (iii) Di-perakukan oleh Ketua Jabatan-nya;

akan di-sahkan dalam jawatan-nya.

- | | | |
|----|---|---|
| 5. | Kerani2 Rendah yang telah di-sahkan dalam jawatannya boleh mengambil Peperiksaan Khas Kerani Rendah. | <u>PEPEREKSAAN</u>
<u>KHAS KERANI</u>
<u>RENDAH</u> |
| 6. | Kerani2 Rendah (Pos) yang telah di-sahkan dalam jawatannya dan telah lulus Peperiksaan Khas Kerani rendah akan layak di-pertimbangkan untuk di naikkan pangkat sechara pilehan kapada Jawatan Pegawai Kerani Tingkatan III (Pos) yang kosong. | <u>KENAIKAN</u>
<u>PANGKAT</u>
<u>KA-JAWATAN</u>
<u>PEGAWAI KERANI</u>
<u>TINGKATAN III</u> |
| 7. | Chalun2 untuk lantikan terus sebagai Pegawai Kerani Tingkatan III (Pos) hendak-lah tidak melebihi umur 25 tahun dan mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di-perengkat peperiksaan tersebut. | <u>LANTIKAN TERUS</u>
<u>KA-JAWATAN</u>
<u>PEGAWAI KERANI</u>
<u>TINGKATAN III</u> |
| 8. | Chalun2 yang di-pilih dari lantikan terus ada-lah di-kehendaki berkhidmat dalam perhubungan selama 3 tahun. | <u>TEMPOH</u>
<u>PERCHUBAAN</u> |
| 9. | <ul style="list-style-type: none"> (i) Calun lantikan terus ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan yang pertama bagi Pegawai Kerani Tingkatan III (Pos) sebelum tamat tempoh perhubungan mereka; (ii) Pegawai Kerani Tingkatan III (Pos) yang di-naikkan pangkat dari jawatan Kerani Rendah adalah di-kecualikan dari mengambil peperiksaan perkhidmatan yang pertama bagi pegawai Kerani Tingkatan III (Pos) | <u>PEPEREKSAAN</u>
<u>PERKHIDMATAN</u>
<u>YANG PERTAMA</u>
<u>BAGI PEGAWAI</u>
<u>KERANI</u>
<u>TINGKATAN III</u>

<u>PENGECHUALIAN</u>
<u>DARI PEPEREKSAAN</u> |

10. Pegawai Kerani Tingkatan III (Pos) dari lantikan terus yang telah:- PENGESAHAN

- (i) Lulus peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani Tingkatan III (Pos).
- (ii) Menyempurnakan perkhidmatan-nya dengan memuaskan dalam tempoh perkhidmatan; dan
- (iii) Di-perakukan oleh Ketua Jabatan-nya;

akan di-sahkan dalam jawatan-nya.

11. Pegawai2 Kerani Tingkatan III (Pos) dari lantikan terus yang telah PEPEREKSAAN
di-sahkan dalam jawatan-nya serta Pegawai2 Kerani Tingkatan III (Pos) yang PERKHIDMATAN
di-naikkan pangkat dari jawatan Kerani Rendah ada-lah di-kehendaki KEDUA BAGI
mengambil peperiksaan Perkhidmatan yang Kedua bagi Pegawai Kerani PEGAWAI KERANI
Tingkatan III (Pos). TINGKATAN III

12. Pegawai2 Kerani Tingkatan III (Pos) yang telah lulus semua KENAIKAN
peperiksaan yang di-sharatkan serta telah berkhidmat sekurang2-nya 5 PANGKAT
tahun dalam tingkatan itu akan layak di-timbangkan bagi di-naikkan pangkat KA- JAWATAN
sechara pilihan ka-jawatan Pegawai Kerani Tingkatan II (Pos) yang kosong. PEGAWAI KERANI
TINGKATAN II

13. Pegawai2 Kerani Tingkatan II (Pos) yang telah berkhidmat KENAIKAN
sekurang2-nya 3 tahun dalam Tingkatan itu akan layak di-pertimbangkan PANGKAT KA-
untuk di-naikkan pangkat sechara pilihan ka-jawatan Pegawai Kerani JAWATAN
Tingkatan I (Pos) yang kosong. PEGAWAI KERANI
TINGKATAN I